International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185



INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)
www.gaexcellence.com/ijemp

PENGETAHUAN, SIKAP DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK) KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN GURU

KNOWLEDGE, ATTITUDES AND CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF ENTREPRENEURSHIP CROSS-CURRICULAR ELEMENTS (CCE) AMONG TEACHERS

Khadijah Zainal Abidin[1]*, Sheerad Sahid[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
khadijahzainal2@gmail.com https://orcid.org/0009-0003-0467-0810
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
sheerad@ukm.edu.my https://orcid.org/0000-0003-2401-4629
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 08.07.2026
Revised date: 22.07.2026
Accepted date: 05.08.2026
Published date: 09.09.2026

To cite this document:

Abidin, K. Z., & Sahid, S. (2026). Pengetahuan, Sikap Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (Emk) Keusahawanan Dalam Kalangan Guru. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices, 9*(35), 170-185.

Abstrak:

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan telah pun diperkenalkan dalam kurikulum sekolah Malaysia bagi memupuk minat keusahawanan, namun kajian empirikal tentang faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya masih terhad. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelaksanaan EMK Keusahawanan serta menentukan faktor yang paling dominan dalam menyokong pembangunan kompetensi keusahawanan murid. Ini bersesuaian dengan Teori Knowledge Attitude Practice (KAP) sebagai asas konseptual yang menerangkan bahawa peningkatan pengetahuan membentuk sikap positif, yang seterusnya mempengaruhi pelaksanaan amalan dalam konteks pendidikan keusahawanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif yang melibatkan 400 orang guru sekolah menengah di Selangor. Keputusan analisis regresi berganda menunjukkan bahawa model kajian adalah signifikan ($F = 120.098$, $p < .001$) dan berjaya menerangkan 47.6% varians dalam pelaksanaan EMK Keusahawanan ($R^2 = 0.476$). Sikap merupakan peramal yang signifikan dan paling dominan terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan ($\beta = 0.633$, $p < .001$), manakala pengetahuan ($\beta = 0.088$, $p = .069$) dan cabaran ($\beta = -0.046$, $p = .214$) tidak didapati sebagai peramal yang signifikan. Dapatan ini menyokong Teori Knowledge Attitude Practice (KAP)

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

dengan menunjukkan bahawa sikap memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pelaksanaan EMK Keusahawanan sekali gus memberikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mereka bentuk program pembangunan profesional guru yang memberi penekanan kepada pembentukan sikap positif bagi memperkukuh pelaksanaan EMK Keusahawanan serta menyumbang kepada perbincangan global mengenai pendidikan keusahawanan.

DOI: 10.35631/IJEMP.935009

Kata Kunci:

Cabaran Guru, EMK Keusahawanan, Pelaksanaan EMK, Pengetahuan Guru, Sikap Guru.

Abstract:

The Cross-Curricular Entrepreneurship Element (EMK Entrepreneurship) has been introduced into the Malaysian school curriculum to foster students' entrepreneurial competencies. However, empirical evidence on the factors influencing its implementation remains limited. This study aimed to identify the factors influencing the implementation of EMK Entrepreneurship and determine the most dominant factor in supporting the development of students' entrepreneurial competencies. The study was underpinned by the Knowledge–Attitude–Practice (KAP) Theory, which posits that knowledge shapes positive attitudes that subsequently influence the implementation of practices in the context of entrepreneurship education. A quantitative approach employing a descriptive survey design was adopted, involving 400 secondary school teachers in Selangor, Malaysia. Multiple regression analysis revealed that the research model was statistically significant ($F = 120.098$, $p < .001$) and explained 47.6% of the variance in the implementation of EMK Entrepreneurship ($R^2 = 0.476$). Attitude emerged as the only significant and the strongest predictor of EMK Entrepreneurship implementation ($\beta = 0.633$, $p < .001$), whereas knowledge ($\beta = 0.088$, $p = .069$) and challenges ($\beta = -0.046$, $p = .214$) were not significant predictors. These findings support the Knowledge–Attitude–Practice (KAP) Theory by demonstrating that attitude plays a central role in influencing the implementation of EMK Entrepreneurship. The findings also provide practical guidance for the Ministry of Education Malaysia in designing strategic teacher professional development programmes that emphasise fostering positive teacher attitudes to strengthen the implementation of EMK Entrepreneurship, while contributing to the global discourse on entrepreneurship education.

Keyword:

CCE Implementation, Entrepreneurship CCE, Teachers' Attitudes, Teachers' Challenges, Teachers' Knowledge.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcllence.com

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Pengenalan

Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan sebagai penyumbang utama dalam membantu perkembangan ekonomi negara dan peluang pekerjaan baru terutamanya dalam sektor industri kecil dan sederhana menurut Muhammad Akhsan & Othman (2019). Keusahawanan adalah inisiatif utama bagi setiap negara yang berhadapan dengan masalah pengangguran. Bidang ini dapat menyelesaikan masalah pengangguran dengan lebih efektif. Keusahawanan juga dapat meningkatkan ekonomi negara yang dinyatakan oleh Salwani & Mohd Safarin (2023). Menurut Statistik Tenaga Buruh yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kadar pengangguran di Malaysia kekal pada tiga peratus pada Ogos 2025, ini menunjukkan pasaran buruh yang stabil dan berdaya tahan. Ini disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, dan dasar kerajaan yang proaktif. Beberapa unjuran menjangkakan kadar pengangguran mungkin menurun lebih jauh kepada 2.9% menjelang akhir tahun 2025. Faktor penyumbang kestabilan ini adalah Peningkatan guna tenaga iaitu sektor seperti perkhidmatan terutamanya penginapan dan makanan serta minuman, pembuatan, dan pembinaan menunjukkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga. Ini terbukti hasil dari pendidikan keusahawanan yang diterapkan kepada belia mampu memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Dasar Kerajaan juga memaminkan peranan di mana langkah-langkah yang proaktif dan dasar yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga seperti menggalakkan belia menceburi bidang keusahwanan terus menyumbang kepada kestabilan ini.

Pendidikan keusahawanan merujuk kepada pengajaran berstruktur pengetahuan, kemahiran, sikap, dan kecekapan yang diperlukan untuk mencipta, membangun, dan mengekalkan usaha niaga keusahawanan. Ia diajar di seluruh sekolah, Universiti, inkubator perniagaan dan program latihan tidak formal (Fayolle & Gally, 2008; Neck & Greene, 2011). Keusahawanan adalah pembelajaran dalam pendidikan yang dibina melalui kemahiran (Volkmann 2004; Kumara 2012; Ismail & Ahmad 2013; Soeharso & Riyanti 2021). Gibb (1993) menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan tidak memerlukan penyampaian pengetahuan tentang cara membina perniagaan tetapi sebaliknya membangunkan sikap, tabiat dan nilai keusahawanan (Hägg dan Kurczewska, 2021). Dalam konteks ekonomi global yang sentiasa berubah, pendidikan keusahawanan dilihat sebagai alat penting dalam melahirkan individu yang mampu mencipta peluang kerjaya sendiri serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Gibb, 2002; Kuratko, 2005). Selain itu, ia menggalakkan pekerjaan sendiri, penciptaan pekerjaan, tanggungjawab sosial, dan kerja berpasukan yang berkesan kecekapan utama yang diperlukan dalam ekonomi moden (Fayolle & Gailly, 2008; Lackéus, 2015; Gibb, 2002).

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) telah diperkenalkan pada tahun 2011 serentak dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Randah (KSSR). Kemudian konsep ini diperluas dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2017. EMK ini adalah untuk menyepadukan beberapa elemen penting secara terancang dalam pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran di sekolah bagi menyokong pembentukan pelajar yang holistik dan seimbang. Pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menuntut peranan guru sebagai agen utama perubahan dalam merealisasikan hasrat kurikulum. Guru bukan sahaja perlu memahami konsep dan objektif EMK Keusahawanan, malah perlu memiliki sikap positif serta keupayaan untuk mengintegrasikan elemen tersebut secara berkesan dalam PdP. Walau bagaimanapun, pelaksanaan EMK Keusahawanan di peringkat sekolah masih berdepan dengan pelbagai

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185
cabaran yang boleh menjejaskan keberkesanannya, khususnya dari aspek pengetahuan, sikap dan kekangan pelaksanaan dalam kalangan guru.

Menurut Ramziah (2000), pendidikan keusahawanan telah cuba disisipkan ke dalam kurikulum sekolah sejak sekian lama. Beliau juga mendapati, pendidikan keusahawanan telah dimasukkan dalam subjek Matematik di sekolah rendah seawal pada tahun 1984. Seterusnya disisipkan pada murid tahun tiga pada tahun 1993. Pada tahun 1994 pula, ianya dijadikan sebagai satu komponen dalam subjek Kemahiran Hidup bagi murid tahap 2 di sekolah rendah iaitu tahun empat, lima dan enam. Dalam masa yang sama, bagi sekolah menengah ianya dijadikan sebagai teras dalam tajuk perdagangan dan keusahawanan. Bidang keusahawanan akhirnya diintegrasikan dalam semua sukatan matapelajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah. Ianya dikenali sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Kini kita dapati bidang keusahawanan ini juga diterapkan dalam setiap peringkat pengajian yang lebih tinggi bagi memastikan murid dapat meningkatkan minat dalam bidang keusahawanan ini.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), EMK Keusahawanan merujuk kepada usaha untuk menyemai dan membangunkan pemikiran dan sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar, seperti kreativiti, inovasi, keberanian mengambil risiko, penyelesaian masalah, ketabahan dan daya tahan. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang membentuk majoriti usaha niaga keusahawanan di Malaysia, merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan pekerjaan kerana mereka menyerap pekerja merentasi pelbagai peringkat kemahiran. Aktiviti keusahawanan juga merangsang inovasi, membawa kepada industri baharu dan memperluaskan permintaan untuk buruh. Pendidikan keusahwanan juga menggalakkan belia dan graduan untuk memulakan usaha mereka sendiri, mengurangkan pergantungan kepada pekerjaan bergaji formal. Dengan memperkasakan individu untuk menjadi pencipta pekerjaan dan bukannya pencari kerja, keusahawanan memainkan peranan penting dalam menurunkan kadar pengangguran negara (Abdullah, 2018; Hashim, 2019; SME Corp Malaysia, 2020).

Permasalahan Kajian

Walaupun EMK Keusahawanan telah diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum kebangsaan, pelaksanaannya di bilik darjah didapati masih tidak konsisten dan berbeza-beza antara guru dan sekolah. Kajian lepas menunjukkan bahawa sebahagian guru mempunyai tahap pengetahuan yang terhad tentang konsep dan pendekatan pedagogi EMK Keusahawanan, di samping sikap yang sederhana positif terhadap pelaksanaannya. Selain itu, cabaran seperti kekangan masa, kekurangan latihan profesional, beban tugas serta ketiadaan panduan yang jelas turut menjadi faktor penghalang kepada pelaksanaan EMK Keusahawanan yang berkesan. Oleh itu, satu kajian yang meneliti pengetahuan, sikap dan cabaran pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru adalah penting bagi mengenal pasti isu sebenar serta mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian.

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Pendidikan Keusahawanan di Malaysia dirangka untuk memupuk minda keusahawanan dengan memupuk kreativiti, inovasi, dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar di samping membangunkan kemahiran penting seperti perancangan, pengurusan sumber, komunikasi dan celik kewangan. EMK juga bertujuan untuk mengukuhkan kepimpinan, kerja berpasukan, daya tahan, dan keyakinan diri melalui pengalaman pembelajaran secara langsung yang mendedahkan pelajar kepada amalan keusahawanan dunia sebenar. Secara keseluruhannya, ia menyediakan pelajar untuk

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

menganggap keusahawanan sebagai kerjaya masa depan yang berdaya maju dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016; Mohd Yusof & Ibrahim, 2018).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap pengetahuan serta kesediaan guru dalam melaksanakan elemen tersebut masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kajian oleh Shahrin dan Siti Hasmah (2010) mendapati bahawa kurangnya pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan menyumbang kepada faktor kekangan dalam penerapan ciri ini dalam pengajaran dan pembelajaran seharian. Hal ini disebabkan oleh kerana kurang mendapat pendedahan, dan peluang juga tidak diberikan secara meluas dalam bidang ini. Aktiviti keusahawanan yang masih di tahap yang rendah juga menjadi faktor halangan penerapan ciri keusahawanan di sekolah. Tambahan pula, sikap guru terhadap EMK Keusahawanan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaannya. Walaupun ada dalam kalangan guru yang menunjukkan sikap positif, namun pelaksanaannya sering kali tidak konsisten. Perkara ini boleh menjejaskan matlamat kurikulum untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan sejak di bangku sekolah.

Lebih membimbangkan, masih kurang kajian yang menyeluruh dijalankan untuk melihat hubungan antara pengetahuan, sikap dan pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru, khususnya di sekolah menengah. Tanpa pemahaman yang jelas terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan EMK ini, usaha untuk memperkasakan pendidikan keusahawanan mungkin tidak akan mencapai sasarannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap pengetahuan, sikap, dan pelaksanaan EMK Keusahawanan, serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah menengah dalam mengintegrasikan elemen ini secara berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dicapai ialah :

- Menguji pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran guru terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam PdP.

- Menentukan faktor paling dominan yang mempengaruhi pelaksanaan EMK keusahawanan dalam PdP.

Kepentingan Kajian

Kepentingan yang pertama dalam dapatan kajian ini adalah dapat memberikan gambaran tentang tahap kesediaan guru dalam melaksanakan EMK Keusahawanan. Dengan mengetahui tahap pengetahuan dan sikap guru, pihak sekolah atau pentadbir dapat merancang latihan dan sokongan yang lebih berfokus bagi meningkatkan keupayaan guru melaksanakan elemen ini secara berkesan. Selain itu, guru juga dapat menyedari cabaran yang dihadapi bersama dan mencari penyelesaian kolektif.


Kepentingan yang kedua adalah kepada pihak pentadbir, di mana dapat membantu pihak pentadbir dan pembuat dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengenal pasti kekangan atau kelemahan semasa dalam pelaksanaan EMK Keusahawanan di

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

peringkat sekolah. Maklumat ini penting untuk menambah baik pelaksanaan dasar sedia ada atau merangka strategi baharu yang lebih efektif dan menyeluruh.

Selain itu, hasil kajian ini memberi kesan tidak langsung kepada murid itu sendiri. Apabila guru mempunyai pengetahuan dan sikap positif terhadap EMK Keusahawanan serta mampu mengatasi cabaran pelaksanaannya, maka murid akan lebih terdorong dan menanam minat serta dapat menghayati nilai keusahawanan dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Akhir sekali kajian ini juga dapat menyumbang kepada penambahan literatur dan data empirikal dalam bidang pendidikan keusahawanan, khususnya berkaitan pelaksanaan EMK di sekolah. Ini membolehkan penyelidik lain menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam kajian lanjutan, khususnya dalam konteks Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan global tentang pendidikan keusahawanan dengan menyediakan bukti empirikal daripada konteks Malaysia bahawa sikap guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan pendidikan keusahawanan di sekolah. Dapatan ini memperkayakan literatur antarabangsa yang membincangkan faktor kejayaan pelaksanaan pendidikan keusahawanan dalam sistem persekolahan.

Teori Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan atau The Knowledge, Attitude and Practice Model (KAP)



Rajah 1: Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP)


Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan (Knowledge, Attitude and Practice – KAP) merupakan satu kerangka konseptual yang menjelaskan bahawa pengetahuan individu akan mempengaruhi pembentukan sikap, seterusnya mempengaruhi amalan atau tingkah laku seseorang dalam sesuatu konteks tertentu. Model ini tidak diasaskan oleh seorang pengkaji secara khusus, sebaliknya berkembang daripada kajian awal dalam bidang kesihatan awam, pendidikan dan sains tingkah laku berdasarkan Launiala (2009). Konsep KAP kemudiannya diperkukuhkan dan digunakan secara meluas oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pendekatan praktikal untuk menilai tahap kesediaan, kefahaman dan tingkah laku masyarakat terhadap sesuatu isu (WHO, 2008). Dalam konteks penyelidikan, KAP dianggap sebagai model deskriptif dan diagnostik, bukannya teori ramalan yang kompleks seperti Theory of Planned Behavior. Launiala (2009) menegaskan bahawa Model KAP berfungsi sebagai rangka kerja praktikal untuk menilai hubungan linear antara pengetahuan, sikap dan amalan, dan sesuai digunakan dalam kajian pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosial. Antara tokoh awal

yang menjadi rujukan penting dalam pembangunan idea asas Model KAP ialah Godfrey Hochbaum, Stephen Kegeles dan Irwin Rosenstock melalui Health Belief Model (HBM) pada tahun 1950-an. Rosenstock (1974) menjelaskan bahawa pengetahuan dan kepercayaan individu memainkan peranan penting dalam membentuk sikap, yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku. Prinsip asas ini kemudiannya disesuaikan dan dipermudahkan dalam bentuk Model KAP untuk tujuan kajian empirikal.

Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) digunakan dalam konteks pendidikan sebagai rangka kerja diagnostik untuk memahami dan memudahkan proses kompleks perubahan tingkah laku dalam kalangan pihak berkepentingan utama, terutamanya guru dan pelajar. Dalam bidang pembangunan profesional guru, model ini memainkan peranan penting dalam menilai penggunaan pedagogi atau teknologi baharu. Sebagai contoh, apabila strategi penilaian formatif baharu diperkenalkan, tinjauan KAP boleh menilai kefahaman guru tentang asas teori (Pengetahuan), kepercayaan mereka tentang keberkesanan dan kepraktisannya (Sikap), dan sejauh mana mereka secara konsisten menyepadukannya ke dalam rutin bilik darjah mereka (Amalan). Menurut Guskey (2002) menggariskan bahawa kejayaan pelaksanaan amalan pengajaran baru kurang kerap dihalang oleh kekurangan pengetahuan dan lebih kerap oleh halangan sikap, seperti efikasi kendiri yang rendah atau keraguan tentang nilai inovasi, yang model KAP secara berkesan mendedahkan. Begitu juga, apabila diterapkan kepada pelajar, model ini membantu merungkai tingkah laku pembelajaran, seperti menganalisis pemahaman mereka tentang peraturan plagiarisme (Pengetahuan), pendirian etika mereka terhadap integriti akademik (Sikap), dan amalan petikan sebenar mereka dalam tugasan (Amalan). Kajian telah menunjukkan bahawa pelajar sering menunjukkan pengetahuan tinggi tentang dasar akademik tetapi mungkin mempunyai sikap neutral atau permisif terhadap salah laku, yang membawa kepada jurang "know-do" kritikal yang memerlukan campur tangan membentuk sikap yang disasarkan melangkaui penyebaran peraturan semata-mata menurut Stephens (2018). Walau bagaimanapun, batasan ketara model KAP dalam pendidikan ialah tumpuan utamanya pada kognisi dan pengaruh peringkat individu, yang boleh mengabaikan pengaruh kuat halangan kontekstual. Kegagalan seseorang guru untuk melaksanakan amalan baharu mungkin bukan berpunca daripada sikap negatif tetapi daripada kekurangan masa, sumber, atau sokongan pentadbiran, manakala amalan pembelajaran pelajar banyak dikekang oleh faktor sosioekonomi dan budaya institusi menurut Fullan (2007). Oleh itu, sementara model KAP menyediakan struktur yang tidak ternilai untuk menentukan tahap di mana campur tangan pendidikan goyah, penemuannya mesti ditafsirkan dalam sistem ekologi sekolah yang lebih luas untuk mereka bentuk strategi yang benar-benar berkesan dan menyokong perubahan.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 2 merupakan kerangka konseptual kajian. Faktor pengetahuan merupakan faktor dalaman yang penting dalam menjamin keberkesanan EMK keusahawanan ini. Pengetahuan guru berkaitan konsep dan kaedah pelaksanaan EMK membantu guru melaksanakan PdP dengan lebih berkesan. Sikap positif seperti minat, keyakinan dan kesediaan pula mendorong guru untuk mengintegrasikan elemen keusahawanan secara lebih aktif dalam PdP. Selain itu, cabaran seperti kekangan masa, beban tugas dan kekurangan sumber turut mempengaruhi pelaksanaan EMK Keusahawanan.

Kerangka ini turut berasaskan Model KAP (Knowledge, Attitude and Practice) yang menjelaskan bahawa pengetahuan dan sikap individu mempengaruhi amalan atau tingkah laku seseorang. Di samping itu, teori oleh Ajzen (1991) turut menyokong bahawa sikap individu mempengaruhi tingkah laku dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Oleh itu, kerangka ini digunakan untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah yang mempengaruhi pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif berbentuk regresi yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan sumbangan antara pengetahuan, sikap dan cabaran guru dengan pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) keusahawanan. Reka bentuk ini sesuai digunakan kerana kajian memfokuskan kepada pemerhatian hubungan semula jadi antara pemboleh ubah tanpa melibatkan sebarang manipulasi, selaras dengan konteks kajian pendidikan yang dijalankan dalam persekitaran sebenar guru menurut Creswell & Creswell (2018). Sampel 400 guru akan dipilih untuk mempunyai kuasa statistik yang mencukupi dan menjamin kebolehpercayaan dapatan. Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai populasi guru sekolah menengah yang besar, sekali gus memenuhi keperluan saiz sampel kajian. Ini adalah saiz sampel yang tepat untuk penyelidikan kuantitatif dan bersetuju dengan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Data kajian dikumpulkan melalui soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics melalui analisis deskriptif dan regresi berganda. Nilai kebolehpercayaan instrumen bagi konstruk pengetahuan guru ialah $\alpha = 0.91$, sikap guru $\alpha = 0.93$, cabaran guru $\alpha = 0.89$ dan pelaksanaan EMK $\alpha = 0.95$ yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima untuk digunakan dalam kajian (Pallant 2020). Pendekatan kuantitatif digunakan kerana dapat menghasilkan dapatan yang sistematik, objektif dan boleh digeneralisasikan kepada populasi kajian (Creswell 2014).

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis data berkaitan pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) keusahawanan dalam kalangan guru.

Profil Responden

Demografi kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada guru perempuan iaitu seramai 338 orang (84.5%), manakala guru lelaki seramai 62 orang (15.5%). Dari segi gred perkhidmatan, kumpulan terbesar ialah guru DG48/DG12 iaitu seramai 179 orang (44.8%), diikuti oleh DG44/DG10 seramai 83 orang (20.8%) dan DG52/DG13 seramai 79 orang (19.8%). Seterusnya, guru DG41/DG9 mencatatkan 41 orang (10.3%), manakala DG54/DG14 merupakan kumpulan paling kecil dengan 18 orang (4.5%). Bagi tempoh perkhidmatan, majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 15 tahun iaitu seramai 286 orang (71.5%), diikuti oleh tempoh 11 hingga 15 tahun seramai 65 orang (16.3%). Responden dengan pengalaman 1 hingga 5 tahun adalah seramai 25 orang (6.3%), manakala 6 hingga 10 tahun seramai 15 orang (3.8%), dan kurang daripada 1 tahun seramai 9 orang (2.2%). Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian didominasi oleh guru berpengalaman dan berstatus pertengahan hingga tinggi dalam gred perkhidmatan, yang berpotensi memberikan pandangan yang matang terhadap pelaksanaan EMK keusahawanan.

Analisis Deskriptif

Jadual 1 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah pengetahuan, sikap dan cabaran guru terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah sikap mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.00 (SP = 0.66) dan berada pada tahap tinggi. Seterusnya, pemboleh ubah pengetahuan turut berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.69 (SP = 0.62). Walau bagaimanapun, pemboleh ubah cabaran mencatatkan nilai min 3.60 (SP = 0.66) dan berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap pengetahuan dan sikap yang tinggi terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan, namun masih menghadapi beberapa cabaran sederhana dalam melaksanakan EMK Keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1: Nilai Min dan Sisihan Piawai Pengetahuan, Sikap dan Cabaran guru

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan	3.688	0.621	Tinggi
Sikap	3.999	0.658	Tinggi
Cabaran	3.599	0.659	Sederhana

Sumber : Dapatan Kajian

Objektif Kajian 1: Menguji pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran guru dengan pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam PdP.

Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda yang dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan dalam kalangan guru. Berdasarkan jadual tersebut, nilai Jumlah Kuasa

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Dua (Sum of Squares) bagi regresi ialah 8074.066, manakala nilai Jumlah Kuasa Dua residual ialah 8874.211. Nilai ini menunjukkan bahawa sebahagian variasi dalam pelaksanaan EMK Keusahawanan berjaya diterangkan oleh faktor pengetahuan, sikap dan cabaran guru.

Nilai F yang tinggi juga menunjukkan bahawa kombinasi ketiga-tiga pemboleh ubah bebas tersebut mempunyai keupayaan yang kuat dalam menerangkan perubahan terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan. Ini bermaksud tahap pengetahuan guru tentang EMK Keusahawanan, sikap guru terhadap pelaksanaannya serta cabaran yang dihadapi semasa proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana EMK Keusahawanan dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Guru yang mempunyai pengetahuan yang baik dan sikap yang positif berkemungkinan lebih cenderung melaksanakan EMK Keusahawanan secara aktif dalam PdP. Namun begitu, cabaran yang dihadapi juga boleh mempengaruhi tahap pelaksanaannya sama ada secara positif atau negatif bergantung kepada situasi yang dihadapi oleh guru.

Secara keseluruhannya, keputusan analisis regresi berganda ini membuktikan bahawa model kajian yang dibina adalah kukuh dan signifikan dalam menerangkan hubungan antara pengetahuan, sikap dan cabaran dengan pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru. Dapatan ini turut menyokong andaian bahawa faktor dalaman guru memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan EMK Keusahawanan di sekolah.

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda

Model	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	F	Sig
Regrasi	8074.066	3	2691.355	120.098	<.001b
Residual	8874.211	396	22.410		
Jumlah	16948.277	399			

Sumber : Dapatan Kajian

Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis koefisien determinasi bagi model regresi berganda yang digunakan untuk mengkaji pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan dalam kalangan guru. Berdasarkan jadual tersebut, nilai R yang diperoleh ialah 0.690. Nilai ini menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara gabungan pemboleh ubah pengetahuan, sikap dan cabaran dengan pelaksanaan EMK Keusahawanan. Semakin hampir nilai R kepada 1, semakin kuat hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, nilai 0.690 membuktikan bahawa ketiga-tiga faktor yang dikaji mempunyai hubungan yang baik dalam menerangkan pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru. Secara keseluruhannya, keputusan analisis koefisien determinasi ini membuktikan bahawa pengetahuan, sikap dan cabaran mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru. Model regresi yang dibina juga didapati sesuai dan mampu menerangkan sebahagian besar variasi dalam pelaksanaan EMK Keusahawanan berdasarkan data kajian yang diperoleh.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Jadual 3: Nilai Koefisien Determinasi

Model	Nilai R	R Kuasa Dua	R kuasa dua dilaraskan	Sisihan Piawai dianggarkan
1	0.690	0.476	0.472	0.473388

Sumber : Dapatan Kajian

Objektif Kajian 2: Menentukan faktor paling dominan yang mempengaruhi pelaksanaan EMK keusahawanan dalam PdP.

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda yang dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang paling dominan mempengaruhi pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan dalam kalangan guru. Berdasarkan analisis tersebut, faktor sikap didapati merupakan pemboleh ubah yang paling dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan EMK Keusahawanan. Dapatan ini dapat dilihat melalui nilai pekali beta terpiawai yang paling tinggi iaitu $\beta = .633$ dengan nilai signifikan $p < .001$. Nilai tersebut menunjukkan bahawa faktor sikap mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan terhadap pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru.

Jadual 4: Koeffisien

Pembolehubah	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error			
(Constant)	9.048	1.961		4.613	<.001
Pengetahuan	-.045	.036	-.046	-1.245	.214
Sikap	.627	.048	.633	13.05	<.001
Cabaran	.093	.051	.088	1.823	.069

Sumber : Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan melalui pengujian hipotesis utama berkaitan pengaruh pengetahuan, sikap dan cabaran terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan dalam kalangan guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model regresi yang dibina adalah signifikan dan mampu menerangkan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pelaksanaan EMK Keusahawanan. Seterusnya, dapat disimpulkan bahawa faktor sikap merupakan faktor paling dominan kepada pelaksanaan EMK Keusahawanan, diikuti oleh faktor pengetahuan dan cabaran.

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) keusahawanan dalam konteks pendidikan, khususnya dari perspektif guru, pihak sekolah dan pembuat dasar. Berdasarkan dapatan, sikap dikenal pasti sebagai faktor paling dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan EMK, diikuti oleh pengetahuan, manakala cabaran tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan. Keadaan ini boleh dijelaskan melalui Teori KAP (Knowledge, Attitude, Practice) yang menyatakan bahawa pengetahuan akan

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

mempengaruhi sikap, dan seterusnya sikap akan membentuk amalan atau tingkah laku sebenar (Launiala 2009; World Health Organization 2008).

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, beberapa cadangan kajian lanjutan dikemukakan bagi memperkukuh dan memperluas pemahaman terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) keusahawanan dalam kalangan guru. Kajian akan datang disarankan untuk memperluaskan skop kajian dengan melibatkan responden dari negeri lain atau seluruh Malaysia bagi meningkatkan kebolehgunaan dapatan kajian. Kajian lanjutan boleh menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pelaksanaan EMK keusahawanan. Menurut Creswell dan Creswell (2018), pendekatan kaedah campuran dapat meningkatkan kekuatan dapatan kajian melalui triangulasi data. Penyelidik akan datang disarankan untuk mengkaji pembolehubah lain yang berpotensi mempengaruhi pelaksanaan EMK keusahawanan seperti motivasi guru, kepimpinan sekolah, budaya organisasi serta sokongan pentadbir. Hal ini penting kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti sikap lebih dominan berbanding cabaran. Kajian lanjutan juga boleh menilai keberkesanan pelaksanaan EMK keusahawanan terhadap hasil pembelajaran murid, seperti peningkatan kreativiti, inovasi dan kemahiran keusahawanan. Kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang impak sebenar pelaksanaan EMK dalam sistem pendidikan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, keputusan analisis regresi berganda menunjukkan bahawa model regresi yang dibina adalah signifikan dengan nilai $F = 120.098$ dan nilai signifikan $p < .001$. Dapatan ini membuktikan bahawa pemboleh ubah pengetahuan, sikap dan cabaran secara keseluruhannya mempunyai pengaruh terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, hipotesis kajian yang dibina adalah disokong berdasarkan keputusan analisis yang diperoleh.

Selain itu, keputusan ujian andaian regresi seperti scatterplot dan Normal P-P Plot menunjukkan bahawa model regresi memenuhi andaian lineariti, homoskedastisiti dan normaliti residual. Scatterplot menunjukkan titik-titik data bertaburan secara rawak tanpa membentuk pola tertentu, manakala Normal P-P Plot menunjukkan titik data berada hampir dengan garis diagonal. Keadaan ini membuktikan bahawa model regresi yang digunakan adalah sesuai dan keputusan analisis yang diperoleh adalah boleh dipercayai (Hair et al., 2019; Pallant, 2020).

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan implikasi bahawa usaha memperkukuhkan pelaksanaan EMK Keusahawanan dalam kalangan guru perlu memberi penekanan terhadap pembangunan sikap positif guru melalui latihan profesional, kursus pembangunan kendiri, bengkel pedagogi keusahawanan dan sokongan berterusan daripada pihak sekolah serta Kementerian Pendidikan Malaysia. Sikap yang positif dalam kalangan guru mampu meningkatkan keberkesanan pengintegrasian EMK Keusahawanan dalam PdP dan seterusnya membantu melahirkan murid yang lebih kreatif, inovatif dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, pensyarah penyelia dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penyataan Pembiayaan: Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

Pernyataan Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)

Pernyataan Etika: Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Khadijah Zainal Abidin menulis pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan, teori, kerangka konseptual, metodologi, dapatan kajian, perbincangan dan kesimpulan serta diselia oleh Prof. Madya Dr Sheerad Sahid.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 170-185

Rujukan

Abdullah, S. (2018). Entrepreneurship as a strategy to reduce unemployment in Malaysia. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 6(2), 15–27.

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. Organizational Behavior and Human Decision Processes, 50(2), 179–211.

Akhsan, E. M., & Othman, N. (2019). Hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA*). International Journal of Education, Psychology and Counseling,* 4(31), 305–317.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). Research methods in education (8th ed.). Routledge.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.). Sage.

Fayolle, A., & Gailly, B. (2008). From craft to science: Teaching models and learning processes in entrepreneurship education. *Journal of European Industrial Training*, 32(7), 569–593.

Fitrianto, I., & Saif, A. (2024). The role of virtual reality in enhancing experiential learning: A comparative study of traditional and immersive learning environments. *International Journal of Post-Axial: Futuristic Teaching and Learning,* 2(2), 97–110. https://doi.org/10.59944/postaxial.v2i2.300

Fullan, M. (2007). The new meaning of educational change (4th ed.). Teachers College Press.

Gibb, A. (2002). Creating conducive environments for learning and entrepreneurship: Living with, dealing with, creating and enjoying uncertainty and complexity. Industry and Higher Education, 16(3), 135–148.

Gibb, A. A. (2002). In pursuit of a new 'enterprise' and 'entrepreneurship' paradigm for learning: Creative destruction, new values, new ways of doing things and new combinations of knowledge. *International Journal of Management Reviews*, 4(3), 233–269.

Guskey, T. R. (2002). Professional development and teacher change. Teachers and Teaching: Theory and Practice, 8(3), 381–391.

Hägg, G. (2021). The entrepreneurial diary: A reflective learning activity to enhance the judgmental abilities of student entrepreneurs. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research,* 27(5), 1142–1165.

Hägg, G., & Kurczewska, A. (2021). Entrepreneurship education: Scholarly progress and future challenges. Taylor & Francis.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). Multivariate data analysis (8th ed.). Cengage.

Hashim, H. (2019). The role of SMEs in employment creation in Malaysia. *Asian Journal of Economics and Management,* 3(1), 45–56.

Hashim, S., & Mohammad, S. H. (2010). Faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut perspektif guru [Kertas kerja]. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/277769392_Faktor_Penghalang_Penerapan_Ciri_Keusahawanan_Dalam_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Di_Sekolah_Mengikut_Perspektif_Guru

Ismail, A., & Hassan, R. (2019). Factors influencing the implementation of entrepreneurship education in Malaysian schools. *Journal of Technical and Vocational Education*, 7(2), 55–66.

Ismail, M. Z., & Ahmad, S. Z. (2013). Entrepreneurship education: An insight from Malaysian polytechnics. *Journal of Chinese Entrepreneurship,* 5(2), 144–160. https://doi.org/10.1108/JCE-02-2013-0003

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku panduan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Elemen Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam KSSR dan KSSM.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Panduan pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). Dokumen Elemen Merentas Kurikulum (KSSM) – Elemen kreativiti dan keusahawanan. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kolb, D. A. (1984). The process of experiential learning. In D. A. Kolb (Ed.), Experiential learning: Experience as the source of learning and development (pp. 31–64). Prentice Hall.

Krpálek, P., & Krpálková Krelová, K. (2016). Possibilities for developing business potential in economic education: Examples of implementation in Slovakia and the Czech Republic. Economics & Sociology, 9(4), 119–133. https://doi.org/10.14254/2071-789X.2016/9-4/7

Kumara, P. A. P. S. (2012). Undergraduates' intention towards entrepreneurship: Empirical evidence from Sri Lanka. Journal of Enterprising Culture, 20(1), 105–118. https://doi.org/10.1142/S0218495812500057

Kuratko, D. F. (2005). The emergence of entrepreneurship education: Development, trends, and challenges. Entrepreneurship Theory and Practice, 29(5), 577–598.

Lackéus, M. (2015). Entrepreneurship in education: What, why, when, how. OECD.

Lackéus, M., & Middleton, K. W. (2018). Assessing experiential entrepreneurship education: Key insights from five methods in use at a venture creation programme. In D. Hyams-Ssekasi & E. F. Calswell (Eds.), Experiential learning for entrepreneurship: Theoretical and practical perspectives on enterprise education (pp. 19–49). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-319-90005-6_2

Launiala, A. (2009). How much can a KAP survey tell us about people's knowledge, attitudes and practices? Anthropology Matters, 11(1), 1–13.

Lindner, J. (2020). Entrepreneurial learning for TVET institutions: A practical guide. UNESCO Publishing.

Neck, H. M., & Greene, P. G. (2011). Entrepreneurship education: Known worlds and new frontiers. *Journal of Small Business Management,* 49(1), 55–70.

Nor Aishah Buang, & Siti Rahaya Ariffin. (1995). Hubung kait antara pendidikan teknologi dengan keusahawanan: Peranannya dalam menentukan daya saing masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera abad ke-21. In Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke-21 (pp. 282–289).

Nor Aishah Buang, & Yap, P. (2002). Kesediaan guru-guru perdagangan di Wilayah Persekutuan dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran dan sikap terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37, 1–10. https://doi.org/10.11113/JT.V37.552

Nor Aishah Buang. (2000). Tahap kewujudan elemen-elemen keusahawanan dalam kurikulum pendidikan teknik, vokasional dan keusahawanan Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah (Tesis Laluan Pantas, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Norasmah Othman, & Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. (2018). Pendidikan keusahawanan dan realiti. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norasmah Othman, Norfadhilah Nordin, & Shahrin Hashim. (2015). Pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan Malaysia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

OECD. (2018). *Education for entrepreneurship*. OECD Publishing. https://www.oecd.org/

Pallant, J. (2020). SPSS survival manual (7th ed.). McGraw-Hill Education.

Rosenstock, I. M. (1974). Historical origins of the health belief model. Health Education Monographs, 2(4), 328–335.

Salwani Daud, & Mohd Safarin Nordin. (2023). Elemen pelaksanaan pendidikan keusahawanan dalam program latihan kemahiran TVET: Suatu penelitian terhadap masalah dan cabaran. e-Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 96–114.

Shahrin Hashim, & Norsila Abdul Rahman. (2007). Kecenderungan guru PKPG (4SPH) terhadap bidang keusahawanan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. Educational Researcher, 15(2), 4–14.

Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. Harvard Educational Review, 57(1), 1–22.

SME Corp. Malaysia. (2021). *SME insights 2019/20.* SME Corporation Malaysia. https://www.smecorp.gov.my/index.php/en/resources/2015-12-21-11-07-06/sme-annual-report

Soeharso, S. Y., & Riyanti, B. P. D. (2021). The intentions to become entrepreneurs in Indonesian vocational school graduates. *Academy of Entrepreneurship Journal*, 27(5), 1–5.

Stephens, J. M. (2018). The creation and evolution of an academic integrity field: A personal perspective. In T. Bretag (Ed.), Handbook of academic integrity (pp. 1–17). Springer.

Volkmann, C. (2004). Entrepreneurial studies in higher education: Entrepreneurship studies—An ascending academic discipline in the twenty-first century. Higher Education in Europe, 29(2), 177–185.

World Health Organization. (2008). Advocacy, communication and social mobilization for TB control. World Health Organization.